

12 OCT 2000

Mahathir-undang-undang

SALAH TANGGAPAN OLEH PENEGAK UNDANG-UNDANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan yang nampaknya berpendapat kedaulatan undang-undang hanya dapat ditegakkan jika anggota kerajaan, dan bukannya pembangkang, didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman penjara.

Perdana Menteri berkata hakikatnya ialah mereka yang bercakap mengenai kedaulatan undang-undang sebenarnya tidak faham mengenainya.

"Bagi mereka, rule of law (kedaulatan undang-undang) berjalan kalau menteri ditangkap, dimasukkan ke jail. Tapi kalau orang mereka dituduh, ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah, itu bukan the rule of law, lebih-lebih lagi jika didapati bersalah.

"Parti lawan punya orang tak boleh bersalah tapi parti kerajaan mesti bersalah," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas mengakhiri lawatan 10 hari ke Britain dan kunjungan singkat ke Bosnia-Herzegovina.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merujuk kepada demonstrasi kecil kumpulan pejuang hak asasi manusia Amnesty International sewaktu beliau berada di Britain bertujuan meminta beliau membebaskan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dari penjara.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah, dan diikuti sembilan tahun lagi kerana meliwat.

Dr Mahathir berkata penjelasan telah dibuat bahawa beliau tidak mempunyai kuasa menahan atau membebaskan orang.

Katanya amalan undang-undang di Malaysia ialah siapa saja yang melanggar undang-undang akan dihadapkan ke mahkamah dan dihukum jika didapati bersalah.

"Dan apabila hukuman jatuh, bukan Perdana Menteri yang boleh batalkan hukuman itu. Kita tak ada kuasa," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sambutan pelajar Malaysia di Manchester dan Cambridge terhadap kunjungannya ke kedua-dua bandar itu adalah baik.

"Walaupun ada penuntut-penuntut Pakistan semasa sembahyang Jumaat meminta para pelajar Malaysia supaya jangan hadir dalam perjumpaan di University of Manchester Institute of Science and Technology, tapi semuanya hadir full-house," katanya.

Dr Mahathir berkata di Cambridge, soalan-soalan yang dikemukakan nampaknya lebih banyak yang pro pembangkang.

Mengenai kunjungan singkatnya ke Bosnia Herzegovina, beliau berkata negara Balkan itu nampaknya semakin beransur-ansur pulih daripada kesan konflik etnik pada pertengahan tahun 1990an.

"Mereka telah membangunkan semula bandar Sarajevo. Keadaan nampak tenang tapi politik perkauman masih ada. Mereka akan mengadakan pilihan raya bulan November," katanya.

Dalam perbincangan dengan Presiden Aliza Izetbegovic di Sarajevo, Dr Mahathir mengesahkan komitmen Kuala Lumpur untuk membantu pembangunan semula Bosnia.

-- BERNAMA

MAM AFY ES MAI